



**UCAPAN TETAMU KEHORMAT
YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA SERI KERNA DATO SERI SETIA
[DR] HAJI AWANG ABU BAKAR BIN HAJI APONG
MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI**

SEMPENA

**MAJLIS UPACARA PERBARISAN KEHORMATAN
HARI PENUBUHAN JABATAN PENJARA KE-64 TAHUN, 2018**

**BERTEMPAT DI
PADANG KAWAD, PUSAT LATIHAN
JABATAN PENJARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**UCAPAN TETAMU KEHORMAT
YANG BERHORMAT MENTERI HAL EHWAH DALAM NEGERI
SEMPENA
MAJLIS UPACARA PERBARISAN KEHORMATAN HARI PENJARA
KE-64 TAHUN, 2018**

Bismillahiramanirahim

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala Selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Kaum Kerabat, Para Sahabat dan Pengikut-Pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Yang Mulia,
Awang Haji Ismail bin Haji Murat, Pengarah Penjara,
selaku Pengerusi Majlis pagi ini;

Yang Berhormat,
Ahli-Ahli Mesyuarat Negara;

Yang Mulia,
Timbalan Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;

Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai kanan dan kakitangan, Para Jemputan serta hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

- 1- Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua, kita dapat sama-sama berhimpun pada pagi ini dalam "**Upacara Perbarisan Kehormatan Sempena Hari Ulangtahun Penubuhan Jabatan Penjara Yang ke 64 Tahun.**
- 2- Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Pengarah dan semua warga Jabatan Penjara bersempena dengan sambutan ulangtahun penubuhannya yang ke 64 tahun. Adalah diharapkan para pemimpin dan seluruh warga Jabatan Penjara akan terus kekal sepakat dan mengamalkan kerja berpasukan (*teamwork*) di dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan dan berganding bahu dengan agensi-agensi penguatkuasa lain dalam menegakkan sistem keadilan jenayah dan pemulihan banduan di Negara ini.
- 3- Jabatan Penjara adalah sebuah jabatan yang bertanggungjawab secara langsung dalam sama-sama memelihara dan menjamin keselamatan di negara ini. Tanggungjawab ini adalah selaras dengan Misi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri "Bekerjasama dengan masyarakat untuk keselamatan dan keamanan".

- 4- Sungguh pun Jabatan ini pada dasarnya berfungsi sebagai "*receiving end*" yang menempatkan banduan-banduan untuk suatu tempoh yang ditetapkan, tetapi peranan sebenarnya adalah untuk "membentuk insan yang produktif melalui program pemulihan dan kaedah yang efektif, persekitaran yang kondusif dan pengintegrasian yang strategik.
- 5- Bagi memenuhi tujuan ini kita memerlukan setiap anggota Jabatan Penjara ini berdisiplin dan penuh integriti, cekap, bijaksana dan melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan.
- 6- Setiap pegawai dan anggota penjara perlu sentiasa dinamik dan harus berani membuat perubahan-perubahan yang baik dalam apa jua bidang tugas bagi mencapai kecemerlangan diri dan jabatan. Budaya kerja cemerlang dalam sesebuah organisasi bergantung kepada kecemerlangan individu. Ini adalah kerana pegawai dan kakitangan merupakan modal insan atau aset utama bagi kejayaan sesebuah organisasi. Organisasi yang dianggotai oleh individu yang cemerlang akan menjadi organisasi yang cemerlang, seterusnya terbilang dan dihormati. Oleh itu, amalan-amalan yang tidak produktif dan apa jua perkara yang boleh menjelaskan imej perkhidmatan jabatan keseluruhannya hendaklah dikikis.

- 7- Dalam hubungan ini, saya ingin menekankan dan menasihatkan supaya semua anggota Jabatan Penjara pada setiap masa mengamalkan sikap berdisiplin dan berintegriti iaitu dengan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan am perkhidmatan awam serta mematuhi ajaran-ajaran ugama Islam. Ini adalah kerana setiap anggota Jabatan ini memikul amanah dan bertanggungjawab terhadap amanah itu. Sebagai anggota perkhidmatan awam, sesiapa sahaja yang sabit melakukan kesalahan dari segi undang-undang dan peraturan-peraturan am Kerajaan, akan diambil tindakan yang sewajarnya.
- 8- Para hadirin sekalian,

Satu-satunya asas pembinaan modal insan yang ideal ialah integrasi atau penyatuan beberapa unsur penting yang ada di dalam diri anggota itu sendiri. Unsur-unsur yang dimaksudkan ialah rangkaian pengetahuan, kemahiran, sikap dan sifat yang positif. Integrasi ini penting kerana terdapat anggota yang pandai dan tinggi pengetahuannya tetapi tidak mempunyai kemahiran di dalam bidang tugasnya. Ada pula anggota yang mempunyai kedua-duanya iaitu pengetahuan dan kemahiran, tetapi tidak mempunyai komitmen dan *attitude* yang baik terhadap tanggungjawab kerja dan jabatan. Untuk menjamin piawaian atau *standard* kualiti perkhidmatan yang cemerlang, kita memerlukan

anggota yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran tertentu serta rukun akhlak dan etika kerja yang positif seperti integriti, amanah, cekap, sabar, tabah, berilmu dan lain-lainnya.

- 9- Nilai-nilai atau ciri-ciri positif seseorang anggota itu akan menentukan sumbangannya terhadap jabatan. Seorang anggota yang mempunyai kepakaran dan kemahiran tetapi tanpa nilai-nilai yang positif pada dirinya tidak akan memberi manfaat kepada jabatan. Nilai yang paling penting ialah integriti iaitu kejujuran dan ketulusan hati di dalam menjalankan tugas. Seorang anggota yang berintegriti akan dapat mengikis sikap mementingkan diri sendiri dan sentiasa patuh terhadap setiap arahan yang ditetapkan. Justeru itu, integriti bukan sahaja diukur kepada tidak melibatkan diri dengan gejala rasuah, jenayah dan penyalahgunaan kuasa, tetapi merangkumi kesanggupan anggota untuk memikul tanggungjawab tanpa mengira masa, tenaga dan tempat.
- 10- Mengenai dengan Bahagian Reintegrasi Jabatan Penjara yang ditubuhkan pada tahun 2014 saya difahamkan bahawa sehingga kini, kira-kira 113 bekas banduan [yang dipanggil sebagai Rakan Seliaan] telah berdaftar secara sukarela untuk mengikuti program perkhidmatan seliaan atau program reintegrasi [Aftercare program] yang disediakan oleh Jabatan Penjara. Melalui penyertaan dalam program *Aftercare* ini telah melihatkan penurunan kadar resividis di

kalangan peserta program tersebut [Rakan Seliaan] dari 11% pada tahun 2014 kepada 3% pada tahun 2017, manakala sebilangan daripada mereka pula telah memperolehi pekerjaan. Sebagai tambahan daripada itu lagi, pihak Jabatan Penjara sedang meneliti untuk mewujudkan program pemulihan di luar tembok penjara melalui Perintah Kehadiran Wajib [PKW] dan Perintah Pelepasan Banduan Secara Lesen [PPBSL] sebagai hukuman alternatif kepada hukuman pemenjaraan. Perintah ini diharatkannya akan dapat mengelakkan kadar residivis, selain mengelakkan kesesakan penjara, penjimatan kos pengurusan, mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan institusi keluarga sedia ada serta lain-lain faedah tanpa menjaskannya kehidupan dan tanggungjawab harian pesalah-pesalah tersebut terhadap keluarga masing-masing melalui perintah-perintah sedemikian.

- 11- Sehubungan dengan program-program pemulihan, saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan semua mereka yang telah memberikan sumbangan dalam melaksanakan program-program pemulihan. Saya juga merakamkan penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta yang telah bersedia menerima berkhidmat bekas banduan dalam usaha mereka kembali ke pangkuhan masyarakat.

Sokongan dan kerjasama seumpama ini adalah mustahak untuk memberi keyakinan diri kepada bekas banduan dalam menjalani penghidupan baru mereka. Langkah ini telah dapat membuktikan berkurangnya bilangan Residivis atau mereka yang masuk kembali ke Penjara bagi kali kedua atau seterusnya. Jabatan Penjara telah menetapkan KPI (Key Performance Indicator) bagi mengurangkan Residivis dari 35% pada masa ini kepada 15 % menjelang tahun 2020.

- 12- Kita menyedari bahawa terdapat bebagai cabaran dalam melaksanakan program-program pemulihan ini, apa lagi dalam tujuan untuk mencapai *Key Performance Indicators (KPI)* yang ditetapkan. Kita memahami kejayaan program bukan sahaja di ukur dari bilangan program yang dilaksanakan tetapi sejauh mana program memberikan impak yang berkesan kepada bekas banduan. Kejayaannya bukan semata-mata di sukat samada program dapat memberikan pekerjaan atau sumber pendapatan kepada bekas banduan. Tetapi kejayaan yang paling besar ialah sejauh mana kita dapat membuat transformasi kepada seseorang individu untuk berubah; perubahan rohani dan mental, perubahan untuk lebih cekal dan tabah dalam mengharungi kehidupan baru. Jika kita berjaya mengubah kehidupan seorang bekas banduan, kita pada hakikatnya menyumbang ke arah menyelamatkan satu keluarga di negara ini. Oleh hal yang demikian, saya berharap

semua yang berkenaan dalam melaksanakan program-program pemulihan akan terus dapat dengan tabah, penuh azam dan kegigihan melaksanakan program-program ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan ganjaran kepada semua.

Pada tahun lepas saya telah berkesempatan bertemu dengan beberapa orang bekas banduan yang mengikuti pelbagai program. Saya kagum dengan semangat yang mereka tunjukkan dalam menempuh alam kerjaya yang baru seperti marbut. Saya menghargai kegigihan bekas banduan wanita yang sudah dapat memulakan perniagaan membuat dan menjual kuih. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab seluruh anggota masyarakat di negara ini memberikan kerjasama erat dan sokongan padu dalam usaha membimbing bekas banduan melayari penghidupan baru.

13- Para hadirin sekalian,

Pada majlis ini juga nanti, kita akan menyaksikan penganugerahan "Pegawai Contoh Terbaik Tahun 2018" kepada beberapa orang anggota penjara yang telah dapat mempamerkan prestasi kerja yang cemerlang secara berterusan. Sesungguhnya, telah banyak insentif dan galakan yang telah diberikan oleh pihak jabatan sebagai motivasi kepada kakitangannya untuk memastikan prestasi perkhidmatan awam di negara ini benar-benar berkualiti dan dihormati. Setiap anggota haruslah bersyukur dan berterima kasih

di atas segala sokongan dan keprihatinan pihak kerajaan dengan memastikan setiap amanah yang diberikan dapat kita laksanakan dengan baik dan penuh integriti.

- 14- Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Pengelola yang telah memberikan kesempatan kepada saya untuk bersama-sama abis tuan-tuan dan puan-puan dalam majlis ini. Tahniah dan syabas juga dirakamkan kepada seluruh pegawai dan anggota Jabatan Penjara serta semua yang terlibat dalam pengendalian majlis yang penuh bermakna ini dengan sempurnanya. Tidak lupa juga diucapkan tahniah dan syabas kepada pegawai-pegawai dan anggota penjara yang bakal menerima penganugerahan sebagai "Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Penjara 2017" selepas ini nanti.
- 15- Akhir kata, selamat Menyambut Hari Penubuhan Jabatan Penjara ke-64 tahun dan semoga segala usaha, pengorbanan dan niat suci abis Tuan-Tuan/Puan-Puan dan Awang-Awang/Dayang-Dayang itu akan sentiasa mendapat keberkatan dan ganjarannya daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua, Amin.

Sekian, Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

